



BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR



**MAJLIS PERBANDARAN
BATU PAHAT**

**MAJLIS PERBANDARAN
SEGAMAT**

**MAJLIS PERBANDARAN
PONTIAN**

5. Pengurusan Program Bandar
Selamat oleh Pihak Berkuasa
Tempatan Negeri Johor

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR



RUMUSAN AUDIT

- Pengurangan Indeks Jenayah masih belum tercapai kerana berlakunya peningkatan jenayah pada tahun 2022.
- Pengurusan PBS tidak diurus dengan cekap dari aspek perancangan kewangan, pematuan konsep CPTED, pemasangan CCTV di kawasan berisiko atau *hotspot/blackspot*, penyenggaraan dan pembaikan aset PBS serta pengurusan pemantauan.



KONSEP BANDAR SELAMAT


Bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial, dan mental disamping persekitaran sentiasa berada dalam keadaan terpelihara



15 Langkah Pencegahan Jenayah

PENCAPAIAN OUTPUT

PELAKSANAAN 15 LANGKAH PENCEGAHAN JENAYAH OLEH PBT



PENCAPAIAN KEBERHASILAN

INDEKS JENAYAH

PBT	2019	2020	2021	2022
MPBP	5.9% ↓	19.5% ↓	51.0% ↓	22.5% ↑
MPS	7.6% ↓	2.9% ↓	43.6% ↓	11.4% ↓
MPPn	18.9% ↑	30.8% ↓	39.8% ↓	6.9% ↑


TAHAP KEMAMPAKAN

Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)
Mampan pada tahun 2019 - 2022

Majlis Perbandaran Segamat (MPS)
Mampan pada tahun 2019 - 2022

Majlis Perbandaran Pontian (MPPn)
Mampan pada tahun 2020 & 2022

KAJIAN KEPUASAN ORANG AWAM



SYOR AUDIT

PENGURUSAN PROGRAM

Perbelanjaan PBS adalah di tahap 68.4%

- Tiada perancangan pemasangan CCTV di kawasan berisiko atau *hotspot/blackspot* di MPPn dan MPS.
- CCTV di MPBP tidak berfungsi kerana kontrak telah tamat

- MPS tidak mensyaratkan pelaksanaan konsep CPTED di dalam kelulusan KM.
- Hanya 24 daripada 37 projek di MPBP dan MPPn yang mensyaratkan konsep CPTED

CCTV MPS di tiga lokasi tidak disenggara sejak dipasang pada tahun 2019 dan tiada paparan gambar bagi CCTV di MPPn

Tiada jadual penyenggaraan khusus disediakan untuk projek dan aset PBS oleh ketiga-tiga PBT

Tiga agenda mesyuarat tidak dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat



**MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN**

**PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT OLEH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN NEGERI JOHOR**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Program Bandar Selamat (PBS) dilaksanakan di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara dan Kerajaan Negeri diminta untuk memantau pelaksanaannya. Konsep bandar selamat boleh ditakrifkan sebagai bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental di samping persekitaran sentiasa berada dalam keadaan terpelihara.
- Selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Johor 2030, Teras 3 Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni Strategi 2.2 iaitu mewujudkan persekitaran yang aman dan selamat, Negeri Johor telah melaksanakan PBS bermula pada tahun 2008 dengan melibatkan tujuh PBT yang bertaraf bandaraya dan perbandaran. Bermula tahun 2011, pelaksanaan PBS telah diperluaskan kepada semua PBT Negeri Johor.
- Di negeri Johor, hanya tiga PBT yang mempunyai peruntukan khusus bagi PBS di dalam penyediaan bajet tahunan iaitu Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), Majlis Perbandaran Segamat (MPS) dan Majlis Perbandaran Pontian (MPPn). Bagi tahun 2019 hingga 2022, sejumlah RM4.75 juta (0.68%) telah dibelanjakan daripada RM6.95 juta peruntukan bagi pelaksanaan PBS oleh ketiga-tiga PBT terlibat.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan PBS bagi tempoh empat tahun iaitu dari tahun 2019 hingga 2022 melibatkan tiga PBT iaitu MPBP, MPS dan MPPn. Pencapaian prestasi PBS dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan.

- Pencapaian output meliputi prestasi pencapaian program mengikut tiga strategi dan 15 langkah yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pencapaian terhadap pengurangan indeks jenayah, pencapaian tahap kemampunan bandar dan kajian soal selidik kepuasan orang awam terhadap pelaksanaan PBS di tiga PBT terlibat.
- Pengurusan PBS pula meliputi enam perkara iaitu prestasi kewangan, pematuhan konsep *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED), pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), balai polis tetap atau bergerak, penyenggaraan dan pembaikan aset PBS serta pengurusan pemantauan PBS.

Mengapa ia penting untuk diaudit

- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan PBS oleh PBT telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan jenayah dapat dikurangkan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, objektif pengurusan PBS untuk memastikan jenayah dapat dikurangkan masih belum tercapai kerana berlakunya peningkatan jenayah pada tahun 2022. Selain itu, pengurusan PBS tidak diurus dengan cekap dari aspek perancangan kewangan PBS, pematuhan konsep CPTED di dalam KM, pemasangan CCTV di kawasan berisiko atau *hotspot/blackspot*, penyenggaraan dan pembaikan aset PBS serta pengurusan pemantauan. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
 - pencapaian PBS bagi 15 langkah pencegahan jenayah mendapati sembilan (60%) langkah dilaksanakan oleh MPBP dan MPS manakala lapan (53.3%) langkah dilaksanakan oleh MPPn dari tahun 2019 sehingga 2022;
 - MPS telah mencapai sasaran 5% penurunan jenayah bagi tahun 2019, 2021 dan 2022. Bagaimanapun, peningkatan indeks jenayah sebanyak 22.5% dicatatkan di MPBP dan 6.9% di MPPn bagi tahun 2022;

- seramai 112 (55.2%) responden orang awam mengetahui mengenai PBS. Daripada jumlah tersebut, seramai 35 (31.2%) responden tidak berpuas hati dengan penyediaan kemudahan bandar selamat;
- prestasi perbelanjaan PBS adalah di tahap 68.4%;
- MPS tidak mensyaratkan pelaksanaan konsep CPTED terhadap setiap kebenaran merancang (KM) yang diluluskan. Hanya 24 daripada 37 projek telah disyaratkan oleh MPBP dan MPPn terhadap pelaksanaan konsep CPTED di dalam pembangunan yang dirancang;
- tiada perancangan pemasangan kamera CCTV oleh MPPn bagi 12 lokasi yang disenaraikan sebagai kawasan *hotspot/blackspot* oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Pontian;
- tiada perancangan pemasangan kamera CCTV bagi 27 kawasan berisiko di MPS;
- CCTV di MPBP tidak berfungsi kerana kontrak telah tamat;
- tiga balai polis tetap/bergerak di MPBP tidak digunakan dan terbiar;
- CCTV yang dipasang oleh MPS di tiga lokasi tidak pernah disenggara sejak ianya dipasang pada tahun 2019 dan tiada paparan gambar bagi CCTV di MPPn;
- tiada jadual penyenggaraan khusus disediakan oleh MPBP, MPS dan MPPn bagi projek dan aset PBS; dan
- tiga agenda mesyuarat tidak dibincangkan oleh MPBP, MPS dan MPPn semasa Mesyuarat Jawatankuasa PBS.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Memastikan 15 langkah PBS dilaksanakan secara menyeluruh dan berperingkat;
- memastikan 15 langkah PBS dilaksanakan secara menyeluruh dan berperingkat

- mengeluarkan garis panduan khusus mengenai pemakaian dan penguatkuasaan CPTED di dalam KM;
- menyediakan penyenggaraan berjadual bagi aset-aset atau infra di bawah PBS; dan
- mewujudkan mekanisme pemantauan di peringkat negeri bagi menyelia pelaksanaan PBS terhadap PBT di Negeri Johor.

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT, MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT DAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

5. PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR

FAKTA UTAMA

Program Bandar Selamat (PBS)	Konsep Bandar Selamat	Rancangan Struktur Negeri Johor 2030
Diwujudkan pada tahun 2004 atas arahan Kabinet yang bermesyuarat pada 28 Januari 2004	Bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental di samping persekitaran sentiasa berada dalam keadaan terpelihara	Teras 3 Strategi 2.2 Mewujudkan persekitaran yang aman dan selamat
RM1.79 Juta	RM0.39 Juta	RM2.57 Juta
Perbelanjaan PBS Majlis Perbandaran Batu Pahat (2019 - 2022)	Perbelanjaan PBS Majlis Perbandaran Segamat (2019 - 2022)	Perbelanjaan PBS Majlis Perbandaran Pontian (2019 - 2022)

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Bandar Selamat (PBS) diwujudkan pada tahun 2004 di atas arahan Kabinet yang bermesyuarat pada 28 Januari 2004 untuk dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara dan Kerajaan Negeri diminta untuk memantau pelaksanaannya. Konsep bandar selamat boleh ditakrifkan sebagai bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental di samping persekitaran sentiasa berada dalam keadaan terpelihara.

1.2. Selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Johor 2030, Teras 3 Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni Strategi 2.2 iaitu mewujudkan persekitaran yang aman dan selamat, Negeri Johor telah melaksanakan PBS bagi memastikan Negeri Johor mempunyai daya huni yang terbaik. PBS oleh PBT Johor bermula pada tahun 2008 melibatkan tujuh PBT yang bertaraf bandar raya dan perbandaran ketika itu. Bermula tahun 2011, pelaksanaan PBS telah diperluaskan kepada semua PBT Negeri Johor.

1.3. Bagi merealisasikan pelaksanaannya, satu Jawatankuasa PBS di peringkat PBT dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan dan merancang projek berkaitan PBS. Jawatankuasa tersebut juga akan menyelaraskan mesyuarat jawatankuasa bandar selamat, menyediakan dan membentangkan laporan indeks jenayah.

1.4. Di negeri Johor, hanya tiga PBT yang mempunyai peruntukan khusus bagi PBS di dalam penyediaan bajet tahunan iaitu Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Segamat dan Majlis Perbandaran Pontian. Bagi tahun 2019 hingga 2022, sejumlah RM4.75 juta telah dibelanjakan daripada RM6.95 juta peruntukan bagi pelaksanaan PBS oleh ketiga-tiga PBT terlibat.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan PBS oleh PBT telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan kadar jenayah dapat dikurangkan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan PBS bagi tempoh empat tahun iaitu dari tahun 2019 hingga 2022 melibatkan tiga PBT iaitu Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), Majlis Perbandaran Segamat (MPS) dan Majlis Perbandaran Pontian (MPPn).

3.2. Pencapaian prestasi PBS dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan. Pencapaian output meliputi prestasi pencapaian program mengikut tiga strategi dan 15 langkah yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pencapaian terhadap pengurangan indeks jenayah, pencapaian tahap kemampanan bandar dan kajian soal selidik kepuasan orang awam terhadap pelaksanaan PBS di tiga PBT terlibat. Pengurusan PBS pula meliputi enam perkara iaitu prestasi kewangan, pematuan konsep *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED), pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), balai polis tetap atau bergerak, penyenggaraan dan pembaikan aset PBS serta pengurusan pemantauan PBS.

3.3. Bagi tujuan pengauditan, pihak Audit telah menyemak rekod dan fail PBS seperti dokumen kewangan, fail kebenaran merancang (KM), fail projek, fail Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) serta minit mesyuarat dari tahun 2019 hingga 2022. Pihak Audit juga telah membuat lawatan fizikal di lokasi *hotspot/blackspot*, projek yang telah mendapat CCC, projek PBS dan aset infra PBS melibatkan 26 lokasi di Batu Pahat, 23 lokasi di Segamat dan 48 lokasi di Pontian. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN FAIL YANG DISEMAK DAN LAWATAN FIZIKAL BAGI TUJUAN PENGAUDITAN

PBT	FAIL PROJEK	FAIL KM DAN CCC	LAIN-LAIN FAIL	JUMLAH FAIL	JUMLAH SEMAKAN	PERATUS SEMAKAN (%)	LAWATAN FIZIKAL
MPBP	12	143	26	181	145	80.1	26
MPS	3	99	24	126	78	61.9	23
MPPn	23	191	24	238	164	68.9	48
JUMLAH	38	433	74	545	387	71.0	97

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, fail, pelan dan dokumen berkaitan PBS di MPBP, MPS dan MPPn. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan pengesahan. Soal selidik mengenai kepuasan orang awam juga telah diedarkan.

4.2. Selain itu, pengesahan pihak ketiga berkaitan bilangan jenayah, lokasi *hotspot* dan *blackspot*, lokasi balai polis tetap atau bergerak turut diperoleh daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat, IPD Segamat dan IPD Pontian.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Januari hingga Jun 2023. Penemuan Audit dan maklum balas daripada jabatan dan agensi yang terlibat telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 1, 3 dan 10 Ogos 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

- a. Pada tahun 2004, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan PBS dengan tiga strategi dan 23 langkah pencegahan jenayah. Pada tahun 2010, 23 langkah pencegahan jenayah tersebut telah ditakrifkan semula kepada 15 langkah pencegahan jenayah melalui tiga strategi utama iaitu mereka bentuk persekitaran fizikal, memperkasakan kawasan sasaran serta pengurusan, penyertaan dan kesedaran komuniti. Langkah terlibat adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
TIGA STRATEGI DAN 15 LANGKAH PENCEGAHAN JENAYAH PBS



- b. Semakan Audit mendapati sembilan langkah pencegahan jenayah telah dilaksanakan oleh MPBP dan MPS manakala lapan langkah dilaksanakan oleh MPPn dari tahun 2019 sehingga 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
LANGKAH PBS YANG DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

PBS	PELAKSANAAN PBS BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022		
	DILAKSANAKAN	TIDAK DILAKSANAKAN	PELAKSANAAN (%)
MPBP			
Strategi 1: 3 Langkah	3	0	100
Strategi 2: 9 Langkah	3	6	33.3
Strategi 3: 3 Langkah	3	0	100
JUMLAH	9	6	60.0
MPS			
Strategi 1: 3 Langkah	1	2	33.3
Strategi 2: 9 Langkah	5	4	55.6
Strategi 3: 3 Langkah	3	0	100
JUMLAH	9	6	60.0
MPPn			
Strategi 1: 3 Langkah	2	1	66.7
Strategi 2: 9 Langkah	4	5	44.4
Strategi 3: 3 Langkah	2	1	66.7
JUMLAH	8	7	53.3

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

5.1.1.1. Pencapaian Strategi Pertama – Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal

- a. Berdasarkan Buku Panduan PBS, sebanyak tiga langkah terlibat di bawah strategi pertama iaitu pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, pelaksanaan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat dan pemetaan *Geographic Information System* (GIS) jenayah.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, MPBP telah melaksanakan ketiga-tiga langkah PBS di bawah strategi pertama. Manakala hanya dua langkah yang dilaksanakan oleh MPPn iaitu pengasingan laluan pejalan kaki dan pelaksanaan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat. Di MPS, hanya satu langkah dilaksanakan iaitu pengasingan laluan pejalan kaki. Perancangan dan pelaksanaan tiga langkah PBS di MPBP, MPS dan MPPn di bawah strategi pertama adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN STRATEGI PERTAMA BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

NO. LANGKAH	KETERANGAN LANGKAH PBS	PERANCANGAN			PELAKSANAAN		
		MPBP	MPS	MPPn	MPBP	MPS	MPPn
1	Pengasingan laluan pejalan kaki - Projek	9	1	2	7	1	3
2	Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal Yang Selamat – Kelulusan KM (<i>CPTED</i>)	TB	TB	TB	75	0	92
3	Pemetaan GIS Jenayah	1	Tiada	Tiada	1	Tiada	Tiada

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

Nota: (TB) - Tidak Berkenaan

- c. Sebanyak sembilan projek melibatkan pengasingan laluan pejalan kaki dirancang pada tahun 2019 hingga 2022 di MPBP. Bagaimanapun, hanya tujuh projek dilaksanakan. Dua projek tahun 2021 tidak dilaksanakan kerana langkah penjimatan MPBP yang terkesan akibat Covid - 19. Satu projek laluan pejalan kaki telah dilaksanakan oleh MPS pada tahun 2022 yang menggunakan peruntukan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Bahagian Kerajaan Tempatan. Di MPPn pula, sebanyak tiga projek pengasingan laluan pejalan kaki dilaksanakan berbanding dua projek yang dirancang.
- d. Pelaksanaan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat dilaksanakan berdasarkan Buku Panduan Pelaksanaan CPTED. Garis Panduan Perancangan Negeri Johor Tahun 2019 turut menekankan konsep CPTED di dalam permohonan KM. Konsep CPTED di dalam surat kelulusan KM merupakan kenyataan bertulis pada Borang KM atau kenyataan pada cadangan pelan. PBT tidak menetapkan sasaran kerana cadangan projek pembangunan daripada pemaju adalah dari semasa ke semasa.
- e. Semakan Audit mendapati sejumlah 230 permohonan KM jenis kediaman, komersial dan perindustrian telah diluluskan bagi tahun 2019 hingga 2022 di MPBP, MPS dan MPPn. Daripada jumlah tersebut, **hanya 167 (72.6%) KM yang diberikan mensyaratkan konsep CPTED dan PBS di dalam surat kelulusan yang diberikan.** Bagaimanapun, penerapan konsep CPTED dan PBS ini tidak dilaksanakan oleh MPS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.**

JADUAL 4
PENCAPAIAN KELULUSAN KM YANG MENERAPKAN KONSEP CPTED
DAN PBS BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	PERMOHONAN KM YANG DILULUSKAN (BIL)	PERMOHONAN KM LULUS DENGAN KONSEP CPTED DAN PBS (BIL)	PENCAPAIAN KELULUSAN KM LULUS DENGAN KONSEP CPTED DAN PBS (%)
MPBP			
2019	21	17	81
2020	12	12	100
2021	20	14	70
2022	41	32	78
JUMLAH	94	75	79.8
MPS			
2019	7	0	0
2020	6	0	0
2021	14	0	0
2022	17	0	0
JUMLAH	44	0	0
MPPn			
2019	15	15	100
2020	28	28	100
2021	20	20	100
2022	29	29	100
JUMLAH	92	92	100
JUMLAH BESAR	230	167	72.6

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

- f. Langkah ketiga telah dilaksanakan oleh MPBP dengan membangunkan Sistem Web GIS dan memetakan semua inisiatif bandar selamat yang telah dilaksanakan. Bagaimanapun, langkah ketiga tidak dilaksanakan di MPS dan MPPn bagi tahun 2019 hingga 2022.

Maklum Balas MPS pada 3 Ogos 2023

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) telah digunakan sehingga 2018 oleh MPS dalam pelaksanaan pemetaan GIS jenayah. Bagaimanapun, selepas tahun 2018, SPBS tidak boleh diakses dan tiada integrasi data dibuat kerana proses naik taraf serta pembangunan semula sistem. Sistem yang telah dinaik taraf dijangka beroperasi pada tahun 2024.

Maklum Balas MPPn pada 26 September 2023

Perancangan ke arah penyediaan pemetaan GIS jenayah dibuat melalui cadangan penambahan peruntukan belanjawan tahun 2024 dalam melantik perunding GIS. Di samping itu, perjawatan Pegawai Perancang GIS telah dimohon kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor untuk membantu MPPn menyelia dan mengemaskini pemetaan GIS.

5.1.1.2. Pencapaian Strategi Kedua – Memperkasakan Kawasan Sasaran

- a. Berdasarkan Buku Panduan PBS, sebanyak sembilan langkah terlibat di bawah strategi kedua. Perancangan dan pelaksanaan langkah PBS di MPBP, MPS dan MPPn di bawah strategi kedua adalah seperti di **Jadual 5**.

JADUAL 5
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN STRATEGI KEDUA BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

NO. LANGKAH	KETERANGAN LANGKAH PBS	PERANCANGAN			PELAKSANAAN		
		MPBP	MPS	MPPn	MPBP	MPS	MPPn
4	Penyediaan balai polis tetap atau bergerak	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
5	Penyediaan cermin keselamatan	Tiada	2	Tiada	Tiada	2	Tiada
6	Penyediaan papan tanda peringatan jenayah	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
7	Penyediaan penggera keselamatan	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
8	Penyediaan tempat letak motosikal (TLM) berkunci	Tiada	1	Tiada	Tiada	1	Tiada
9	Pemasangan CCTV	Tiada	3	Tiada	Tiada	1	1
10	Pencahayaan	3	1	6	3	1	6
11	Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam	Tiada	Tiada	Tiada	10	15	16
12	Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah	2	Tiada	2	2	Tiada	2

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

- b. Semakan Audit mendapati hanya tiga langkah yang telah dilaksanakan oleh MPBP, lima langkah oleh MPS dan empat langkah oleh MPPn di bawah strategi kedua bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. **Tiada perancangan dibuat oleh ketiga-tiga PBT melibatkan langkah 4, langkah 6 dan langkah 7.**
- c. MPS telah melaksanakan langkah 9 iaitu satu projek pemasangan kamera CCTV sebanyak sembilan unit pada tahun 2019 di tiga lokasi dengan kos berjumlah RM288,362 yang dipasang di Ibu Pejabat Polis Daerah Segamat, Terminal Segamat dan Jalan Genuang seperti dalam **Gambar 1**.

GAMBAR 1



Kamera CCTV di Ibu Pejabat Polis, Segamat
(26.4.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Pihak Audit mendapati dua projek CCTV yang tidak dapat dilaksanakan oleh MPS melibatkan perancangan tahun 2020 dan 2021 dengan anggaran kos berjumlah RM411,840. MPS memaklumkan dua projek tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan untuk melaksanakan tatacara perolehan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- e. MPPn pula telah melaksanakan pemasangan kamera CCTV sebanyak empat unit dengan kos berjumlah RM115,965 di Jalan Nilam, Pontian pada tahun 2022 seperti dalam **Gambar 2**.



GAMBAR 2

Pemasangan Kamera CCTV
Persimpangan Taman Nilam
(19.6.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- f. Semakan Audit selanjutnya mendapati perancangan bagi langkah 10 iaitu pencahayaan telah dilaksanakan oleh ketiga-tiga PBT bagi tahun 2019 hingga 2022. Lawatan fizikal Audit telah dilaksanakan pada bulan April 2023 bagi projek pencahayaan MPBP tahun 2022 di Jalan Rahmat, Batu Pahat yang merupakan salah satu kawasan *hotspot*. Pihak Audit mendapati kawasan tersebut mempunyai pencahayaan yang baik dan menjadi laluan orang awam seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



Pencahayaan di Jalan Rahmat, Batu Pahat
(17.4.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Pencahayaan di Jalan Rahmat, Batu Pahat
(17.4.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


- g. Pihak Audit mendapati tiada projek dirancang bagi langkah 11 kerana laluan awam sedia ada adalah dalam keadaan baik dan disenggara secara berkala serta mengikut keperluan Bahagian Landskap di PBT masing-masing.
- h. Bagaimanapun, di MPBP sebanyak 10 kerja pembersihan jejantas dan kawasan semak telah dilaksanakan. Di MPS pula sebanyak 15 kerja pembersihan pokok telah dilaksanakan secara gotong royong. Manakala di MPPn, sebanyak 16 kerja-kerja penyenggaraan dan pemangkasan pokok dilaksanakan di kawasan sekolah dan jabatan Kerajaan.
- i. Bagi memenuhi langkah 12, MPBP telah menyediakan aktiviti perniagaan di laluan pejalan kaki dengan menaik taraf struktur lama di Batu Pahat *Walk* kepada kiosk makanan dan minuman. Selain itu, MPBP juga telah menaik taraf lorong belakang kedai-kedai dalam kawasan Bandar Penggaram, Batu Pahat dengan menyediakan laluan pejalan kaki dan basikal yang selesa serta lukisan mural dan pencahayaan bagi menarik kunjungan orang awam dan pelancong seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

GAMBAR 5



Lukisan Mural di Lorong Jalan Rahmat, Batu Pahat
(17.4.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Lukisan Mural dan Pencahayaan
di lorong belakang Jalan Rahmat, Batu Pahat
(17.4.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- j. Sebanyak dua aktiviti telah dilaksanakan oleh MPPn di bawah langkah 12 yang telah dilaksanakan bermula tahun 2016 di Dataran MPPn. Program senamrobik mingguan telah dilakukan pada pagi setiap hari Jumaat dan Sabtu kepada orang awam. MPPn juga telah menyediakan kemudahan kepada penjaja di kawasan Dataran MPPn bagi menarik minat orang awam untuk berkunjung dan beriadah terutama pada hujung minggu. **Gambar 7** dan **Gambar 8** adalah berkaitan langkah 12 di MPPn.

GAMBAR 7



Program Senamrobik Mingguan
Dataran Majlis Perbandaran Pontian
(29.06.2023)
(Sumber: Majlis Perbandaran Pontian)

GAMBAR 8



Jualan Barangan Penjaja
Dataran Majlis Perbandaran Pontian
(29.06.2023)
(Sumber: Majlis Perbandaran Pontian)

Maklum Balas MPBP pada 3 Julai 2023

Tiada perancangan dan pelaksanaan bagi penyediaan bit polis tetap atau bergerak kerana telah digantikan dengan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) oleh PDRM. Sebelum tahun 2019, sebanyak 16 unit cermin keselamatan, 350 unit tempat letak motosikal (TLM) berkunci, 16 unit papan tanda peringatan jenayah telah disediakan dan dipasang di kawasan-kawasan potensi berlaku jenayah di sekitar daerah Batu Pahat. Pelaksanaan pemasangan penggera keselamatan akan dilaksanakan di bawah inisiatif bandar pintar di mana projek tersebut dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* bersama pihak Telekom Malaysia (TM). Pihak MPBP dan TM telah menandatangani *Letter of Interest* pada bulan Jun 2023.

Maklum Balas MPS pada 3 Oktober 2023

Sebelum tahun 2019, sebanyak 15 unit papan tanda peringatan jenayah telah disediakan dan dipasang di kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya jenayah di sekitar bandar Segamat. Bagaimanapun, bilangan papan tanda peringatan jenayah akan diperluaskan dengan menggunakan peruntukan tahun 2024.

Maklum Balas MPPn pada 26 September 2023

Keperluan penyediaan balai polis tetap atau bergerak telah digantikan dengan rodan bermotor dan kereta oleh PDRM yang tertumpu di kawasan bandar dan perumahan yang menghadapi risiko jenayah. Penyediaan papan tanda peringatan jenayah akan dilaksanakan di kawasan terdedah jenayah dan penyediaan penggera keselamatan akan dijadikan syarat kelulusan permohonan pelan bangunan bagi perniagaan atau kilang.

5.1.1.3. Pencapaian Strategi Ketiga - Pengurusan, Penyertaan & Kesedaran Komuniti

- a. Berdasarkan strategi ketiga, terdapat tiga langkah digariskan untuk dilaksanakan oleh PBT. Perancangan dan pelaksanaan langkah PBS di MPBP, MPS dan MPPn di bawah strategi ketiga adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN STRATEGI KETIGA BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

NO. LANGKAH	KETERANGAN LANGKAH PBS	PERANCANGAN			PELAKSANAAN		
		MPBP	MPS	MPPn	MPBP	MPS	MPPn
13	Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti	0	0	0	7	4	0
14	Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan	Tiada	Tiada	Tiada	76	18	64
15	Agenda tetap bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT	48	48	16	41	39	16

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

- b. Semakan Audit mendapati MPBP dan MPS telah melaksanakan ketiga-tiga langkah di bawah strategi ketiga. MPBP telah melaksanakan langkah 13 melalui tujuh program hebahan bersama IPD Batu Pahat, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), jabatan Kerajaan dan komuniti penduduk pada tahun 2021 dan 2022.
- c. MPS pula telah melaksanakan empat program hebahan melibatkan jabatan atau agensi Kerajaan, ahli majlis dan komuniti penduduk pada tahun 2019 dan 2022. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati tiada jadual khusus disediakan oleh MPBP dan MPS bagi tujuan publisiti dan mempromosikan PBS. Pihak Audit mendapati tiada perancangan dan pelaksanaan langkah 13 yang dikhususkan untuk PBS di MPPn.

- d. Langkah 14 iaitu meningkatkan rondaan di kawasan perumahan dilakukan oleh pihak PDRM mengikut keperluan dan aduan penduduk atau orang awam. Selain itu, rondaan turut melibatkan 76 kumpulan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di daerah Batu Pahat, 18 kumpulan di daerah Segamat dan 64 kumpulan di daerah Pontian.
- e. Melalui langkah 15, PBS merupakan agenda tetap bulanan Mesyuarat Penuh PBT yang telah dilaksanakan sebanyak 41 kali di MPBP, 39 kali di MPS dan 16 kali di MPPn bagi tahun 2019 hingga 2022.

Maklum Balas MPPn pada 26 September 2023

Dua program berkaitan publisiti dan promosi telah disertai oleh MPPn pada bulan Ogos dan September 2023 di mana reruai berkaitan PBS telah dibuka kepada orang awam dalam mendapatkan pendedahan berkaitan PBS.

Pendapat Audit		Prestasi pencapaian PBS mengikut strategi adalah memuaskan kerana sembilan (60%) langkah telah dilaksanakan oleh MPBP dan MPS manakala lapan (53.3%) langkah telah dilaksanakan oleh MPPn dalam tempoh empat tahun.
-----------------------	--	--

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Peningkatan/Pengurangan Indeks Jenayah

- a. Program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah *National Key Result Area* (NKRA) Mengurangkan Jenayah menetapkan sasaran penurunan indeks jenayah keseluruhan sebanyak 5% setiap tahun. MPBP dan MPS telah menetapkan sasaran pengurangan jenayah sebanyak 5% setiap tahun selaras dengan GTP. Bagaimanapun, tiada sasaran ditetapkan oleh MPPn untuk pengurangan indeks jenayah. Maklumat dan pencapaian peningkatan/penurunan indeks jenayah bagi MPBP, MPS dan MPPn adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PELAPORAN INDEKS JENAYAH DI MPBP, MPS DAN MPPn
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

DAFTAR TAHUN 2019 HINGGA 2022					
BIL	JENIS JENAYAH	JUMLAH JENAYAH YANG DILAPORKAN			
		2019	2020	2021	2022
MPBP					
1.	Jenayah Keganasan	99	94	45	39
2.	Jenayah Harta Benda	363	278	137	184
JUMLAH		462	372	182	223
SASARAN PENURUNAN JENAYAH 5% SETAHUN					
Peratus Penurunan Kes Keseluruhan		↓ 5.9%	↓ 19.5%	↓ 51.0%	↑ 22.5%
MPS					
1.	Jenayah Keganasan	50	46	21	35
2.	Jenayah Harta Benda	191	188	111	82
JUMLAH		241	234	132	117
SASARAN PENURUNAN JENAYAH 5% SETAHUN					
Peratus Penurunan Kes Keseluruhan		↓ 7.6%	↓ 2.9%	↓ 43.6%	↓ 11.4%
MPPn					
1.	Jenayah Keganasan	41	46	29	18
2.	Jenayah Harta Benda	235	145	86	105
JUMLAH		276	191	115	123
SASARAN PENURUNAN JENAYAH 5% SETAHUN					
Peratus Penurunan Kes Keseluruhan		↑ 18.9%	↓ 30.8%	↓ 39.8%	↑ 6.9%

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

- b. Semakan Audit mendapati sasaran penurunan jenayah di MPBP dicapai pada tahun 2019 hingga 2021 dengan penurunan jenayah antara 5.9% hingga 51.0%. Bagaimanapun, peratusan kes jenayah meningkat sebanyak 22.5% pada tahun 2022 disebabkan pertambahan sebanyak 41 kes jenayah.
- c. Pihak Audit mendapati **MPS telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019, 2021 dan 2022 di mana masing-masing mencatatkan penurunan indeks jenayah sebanyak 7.6%, 43.6% dan 11.4%.** Bagaimanapun, penurunan indeks jenayah hanya 2.9% bagi tahun 2020 dengan penurunan sebanyak tujuh kes berbanding tahun sebelum.
- d. MPPn mencatatkan pengurangan jenayah pada tahun 2020 dan 2021 dengan penurunan sebanyak 30.8% dan 39.8%. Bagaimanapun, peratusan kes jenayah meningkat sebanyak 18.9% bagi tahun 2019 dan 6.9% bagi tahun 2022.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, sasaran pengurangan jenayah sebanyak 5% setiap tahun dicapai oleh MPBP pada tahun 2019 hingga 2021. Manakala sasaran tersebut dicapai oleh MPS pada tahun 2019, 2021 dan 2022. Di MPPn pula, sasaran dicapai pada tahun 2020 dan 2021.

5.1.2.2. Pencapaian Tahap Kemampanan Bandar Melalui MURNInets

- a. MURNInets merupakan singkatan kepada Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (*Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development*). Satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampanan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan penunjuk bandar.
- b. MURNInets 2.0 yang terdiri daripada 5 strategi, 6 dimensi, 20 tema dan 39 penunjuk dibentuk berdasarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) (2021-2025), Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN Ke-4) dan Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2) dan diselaraskan dengan Strategi Pembangunan Mampan (SDGs) di peringkat global. Status kemampanan sesuatu PBT itu bergantung kepada markah yang dicapai bagi kriteria yang dinilai dalam MURNInets iaitu mampan dengan markah 80%-100%, sederhana mampan dengan markah 50%-79% dan kurang mampan dengan markah 0%-49%.
- c. Penilaian tahunan MURNInets dibuat berdasarkan data dan maklumat tahun sebelumnya. Tahap kemampanan bandar bagi MPBP, MPS dan MPPn bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
TAHAP KEMAMPANAN BANDAR DI MPBP, MPS DAN MPPn

BIL.	TAHUN PENILAIAN	INDEKS KEMAMPANAN BANDAR	TAHAP KEMAMPANAN
1.	MPBP		
	2019	87.67%	Mampan
	2020	89.09%	Mampan
	2021	88.35%	Mampan
	2022	81.32%	Mampan
2.	MPS		
	2019	88.5%	Mampan
	2020	85.18%	Mampan
	2021	87.83%	Mampan
	2022	85.19%	Mampan

BIL.	TAHUN PENILAIAN	INDEKS KEMAMPAHAN BANDAR	TAHAP KEMAMPAHAN
3.	MPPn		
	2019	73.0%	Sederhana Mampan
	2020	82.71%	Mampan
	2021	76.24%	Sederhana Mampan
	2022	81.51%	Mampan

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

- d. Semakan Audit terhadap data MURNInets berkaitan komuniti sejahtera dan keselamatan mendapati Peratusan Penurunan Indeks Jenayah sebanyak 5% diambil kira dalam skor pemarkahan tahap kemampunan bandar setiap PBT. Skor yang diperolehi bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
SKOR BERKAITAN KOMUNITI SEJAHTERA DAN KESELAMATAN
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

BIL.	TAHUN PENILAIAN	SKOR KESELAMATAN
1.	MPBP	
	2019	1
	2020	3
	2021	3
	2022	3
2.	MPS	
	2019	3
	2020	3
	2021	2
	2022	3
3.	MPPn	
	2019	3
	2020	3
	2021	1
	2022	3

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

- e. Peningkatan skor ditunjukkan pada tahun 2020 bagi MPBP dan skor penuh iaitu tiga diperolehi pada tahun 2020 hingga 2022 yang menunjukkan berlaku penurunan kes jenayah di Batu Pahat. Di MPS pula skor tiga diperolehi pada tahun 2019, 2020 dan 2022. Bagaimanapun, pada tahun 2021, skor yang diperolehi ialah dua kerana penurunan indeks jenayah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 5%.

- f. Manakala di MPPn pula, skor tiga diperolehi pada tahun 2019, 2020 dan 2022. Bagaimanapun, pada tahun 2021 skor yang diperolehi ialah satu kerana terdapat peningkatan jenayah yang dilaporkan dalam MURNInets.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, ketiga-tiga PBT telah mencapai objektif ke arah bandar mampan berdasarkan tahap kemampanan bandar dengan mencapai markah melebihi 80%.

5.1.2.3. Kajian Kepuasan Orang Awam Terhadap Pelaksanaan PBS

- a. Kajian terhadap pengurusan PBS telah dilakukan di daerah Batu Pahat, Segamat dan Pontian bertujuan untuk mendapatkan pandangan orang awam mengenai PBS yang dilaksanakan oleh PBT. Pihak Audit telah mengedarkan 100 borang soal selidik di setiap daerah bagi mendapatkan maklum balas dalam menilai pengetahuan orang awam mengenai pelaksanaan PBS serta keberkesannya untuk meningkatkan tahap keselamatan penduduk.
- b. Sebanyak 203 (67.6%) daripada 300 borang soal selidik telah dikembalikan kepada pihak Audit. Analisis Audit terhadap 203 soal selidik yang dikembalikan mendapati **112 (55.2%) responden mengetahui mengenai PBS manakala baki 91 responden tidak mengetahui mengenai PBS yang dilaksanakan oleh PBT**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
MAKLUM BALAS SOAL SELIDIK MENGENAI PBS

PBT	BIL. SOAL SELIDIK YANG DIEDARKAN	BIL. SOAL SELIDIK YANG DIKEMBALIKAN	RESPONDEN YANG TAHU MENGENAI PBS	RESPONDEN YANG TIDAK TAHU MENGENAI PBS
MPBP	100	63	54	9
MPS	100	58	24	34
MPPn	100	82	34	48
JUMLAH	300	203	112	91

Sumber: Jabatan Audit Negara


- c. Analisis lanjut terhadap 112 responden yang mengetahui mengenai PBS yang dilaksanakan oleh MPBP, MPS dan MPPn adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 1** serta **Carta 2**.

JADUAL 11
MAKLUM BALAS SOAL SELIDIK MENGENAI PBS

PBT	PENYEDIAAN KEMUDAHAN BANDAR SELAMAT		KECUKUPAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN BANDAR SELAMAT		PENYEDIAAN KEMUDAHAN BANDAR SELAMAT	
	DISEDIAKAN	TIDAK DISEDIAKAN	BERPUAS HATI	TIDAK BERPUAS HATI	BERPUAS HATI	TIDAK BERPUAS HATI
MPBP	50	4	48	6	48	6
MPS	19	5	11	13	13	11
MPPn	20	14	15	19	16	18
JUMLAH	89	23	74	38	77	35


Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 1
MAKLUM BALAS MENGENAI PENYEDIAAN KEMUDAHAN BANDAR SELAMAT
Tahap Penyediaan Kemudahan Bandar Selamat




- d. Berdasarkan **Carta 1**, secara keseluruhannya, seramai 89 (79.5%) responden bersetuju penyediaan kemudahan bandar selamat telah disediakan di daerah Batu Pahat, Segamat dan Pontian, meliputi 50 (92.6%) responden di Batu Pahat, 19 (79.1%) responden di Segamat dan 20 (58.8%) responden di Pontian. Baki 23 (20.5%) responden tidak bersetuju kemudahan bandar selamat ada disediakan.

CARTA 2
MAKLUM BALAS MENGENAI KECUKUPAN KEMUDAHAN BANDAR SELAMAT



- e. Berdasarkan **Carta 2**, seramai 74 (66.1%) responden menyatakan kemudahan adalah mencukupi manakala baki 38 (33.9%) responden menyatakan kemudahan adalah tidak mencukupi. Selain itu, **seramai 77 (68.8%) responden berpuas hati dengan penyediaan kemudahan bandar selamat manakala 35 (31.2%) reponden tidak berpuas hati** seperti dalam Carta 3.

CARTA 3



Maklum Balas MPPn pada 26 September 2023

Kemudahan bandar selamat di Pontian akan dipertingkatkan melalui pemasangan papan tanda jenayah, membaik pulih laluan pejalan kaki, pemasangan semula bollard di kawasan terdedah jenayah, pemasangan lampu limpah, penyediaan TLM dan cermin keselamatan.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, pengurusan infra dan kemudahan PBS daripada dapatan soal selidik adalah memuaskan kerana 68.8% responden berpuas hati dengan kemudahan bandar selamat yang disediakan.

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Prestasi Kewangan

- Penyediaan anggaran perbelanjaan pembangunan tahunan yang dikeluarkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Johor menyatakan projek baharu yang diberi keutamaan adalah projek yang memberi impak dan nilai tambah serta memenuhi keperluan sebenar kumpulan sasar.
- Bagi tahun 2019 hingga 2022, sejumlah RM2.70 juta telah diperuntukkan oleh MPBP untuk pelaksanaan PBS, RM0.95 juta diperuntukkan oleh MPS dan RM3.30 juta telah diperuntukkan oleh MPPn. Butiran lanjut peruntukan dan perbelanjaan PBS bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PRESTASI PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PBS
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)			PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)
	PBS	LAIN-LAIN JABATAN	JUMLAH		
MPBP					
2019	900,000	-	900,000	558,858	62.1
2020	600,000	-	600,000	492,820	82.1
2021	600,000	-	600,000	139,607	23.2
2022	600,000	-	600,000	603,190	100.5
JUMLAH	2,700,000	-	2,700,000	1,794,475	66.5
MPS					
2019	350,000	-	350,000	290,162	82.0
2020	100,000	-	100,000	-	0
2021	300,000	-	300,000	-	0
2022	200,000	-	200,000	104,440	52.2
JUMLAH	950,000	-	950,000	394,602	41.5
MPPn					
2019	100,000	1,173,730.90	1,273,730.90	1,126,835.35	88.5
2020	140,000	870,156.40	1,010,156.40	789,033.03	78.1
2021	250,000	-	250,000	38,930.39	15.6
2022	100,000	669,273.60	769,273.60	611,520.00	79.5
JUMLAH	590,000	2,713,160.90	3,303,160.90	2,566,318.77	77.7
JUMLAH KESELURUHAN	4,240,000	2,713,160.90	6,953,160.90	4,755,395.77	68.4

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

- c. Semakan Audit mendapati perbelanjaan PBS di MPBP adalah baik bagi tahun 2020 di mana mencapai tahap 82.1%. Bagaimanapun, pada tahun 2021, hanya RM139,607 (23.2%) dibelanjakan kerana dua projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan disebabkan semakan semula belanjawan tahun 2021 terhadap hasil dan perbelanjaan yang terkesan akibat wabak Covid-19.
- d. Perbelanjaan PBS di MPS bagi tahun 2019 adalah di tahap 82.0% dengan perbelanjaan berjumlah RM0.29 juta berbanding peruntukan berjumlah RM0.35 juta. Pada tahun 2020 dan 2021, prestasi perbelanjaan PBS adalah di tahap sifar berbanding peruntukan berjumlah RM0.1 juta dan RM0.3 juta masing-masing disebabkan kerja membekal dan memasang kamera CCTV tidak dapat dilaksanakan kerana PKP serta kekangan masa.
- e. Perbelanjaan MPPn adalah di tahap 77.7% bagi tahun 2019 hingga 2022. Prestasi perbelanjaan di tahap 15.6% pada tahun 2021 adalah kerana projek yang dirancang dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan kerajaan Persekutuan.

Maklum Balas MPBP pada 3 Julai 2023

Mesyuarat Penuh MPBP pada bulan Ogos 2021 telah meluluskan cadangan semakan semula Belanjawan Tahun 2021 yang melibatkan pengurangan anggaran hasil sebanyak RM12.3 juta dan anggaran perbelanjaan turut dikurangkan sebanyak RM3.32 juta menyebabkan pelaksanaan projek yang terhad.

Maklum Balas MPPn pada 26 September 2023

MPPn tidak dapat membelanjakan sepenuhnya peruntukan PBS pada tahun 2021 kerana terkesan akibat wabak Covid-19 dan PKP.

Pendapat Audit		Prestasi perbelanjaan PBS adalah memuaskan dengan pencapaian keseluruhan berjumlah RM4.75 juta (68.4%) bagi tahun 2019 hingga 2022.
-----------------------	--	--

5.2.2. Pematuhan Konsep CPTED

- a. Pelaksanaan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat dilaksanakan berdasarkan Panduan Pelaksanaan CPTED yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Disember 2010. Panduan Pelaksanaan CPTED perlu dirujuk semasa peringkat perancangan, reka bentuk dan pembinaan sesuatu cadangan pemajuan projek. Ini merangkumi reka bentuk pelan susun atur, pelan bangunan, pelan kejuruteraan, pelan landskap dan pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Garis Panduan Perancangan Negeri Johor Edisi 2019 juga menetapkan setiap pembangunan perlu menerapkan konsep bandar selamat melalui CPTED.
- b. Di peringkat MPBP dan MPPn, syarat penyediaan elemen CPTED dalam setiap kebenaran merancang (KM) telah dilaksanakan masing-masing bermula tahun 2012 dan 2013. Manakala MPS tidak mensyaratkan pelaksanaan elemen CPTED terhadap setiap KM yang diluluskan.
- c. Dari tahun 2019 hingga 2022, sejumlah 203 CCC telah diluluskan di Batu Pahat, Segamat dan Pontian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 37 projek yang telah mendapat CCC dipilih untuk semakan dan lawatan fizikal. Pemilihan yang dibuat terdiri daripada projek perumahan, pembangunan bercampur, hotel, bangunan komersial dan perindustrian. **Daripada 37 projek tersebut, hanya 24 projek telah disyaratkan oleh MPBP dan MPPn terhadap pelaksanaan konsep CPTED di dalam pembangunan yang dirancang. Manakala tiada syarat penerapan konsep CPTED bagi 13 projek yang lain.**
- d. Lawatan Audit terhadap lapan projek di MPBP, lima projek di MPS dan 24 projek di MPPn mendapati status pematuhan konsep CPTED adalah seperti dalam **Jadual 13.**

JADUAL 13
PELAKSANAAN ELEMEN CPTED DALAM PEMBANGUNAN KEBENARAN MERANCANG

BIL.	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	SYARAT CPTED/BANDAR SELAMAT DALAM KM	PEMATUHAN CPTED	KONSEP CPTED/BANDAR SELAMAT						
					1	2	3	4	5	6	7
MPBP											
1.	Perumahan	4	Ada	Ya	2	-	-	-	-	-	4
				Tidak	2	3	-	-	-	-	-
				TB	-	1	4	4	4	4	-
2.	Hotel	1	Ada	Ya	1	-	-	1	-	1	1
				Tidak	-	-	-	-	-	-	-
				TB	-	1	1	-	1	-	-
3.	Komersial	2	Ada	Ya	2	-	2	2	2	-	2
				Tidak	-	-	-	-	-	2	-
				TB	-	2	-	-	-	-	-
4.	Perumahan	1	Tiada	Ya	-	-	-	-	-	-	1
				Tidak	1	1	-	-	-	-	-
				TB	-	-	1	1	1	1	-
JUMLAH		8									
PELAKSANAAN ELEMEN CPTED					5	-	2	3	2	1	8
TIDAK LAKSANA CPTED					3	4	-	-	-	2	-
TIDAK BERKENAAN					-	4	6	5	6	5	-
MPS											
1.	Perumahan	4	Tiada	Ya	-	-	-	-	-	-	4
				Tidak	4	3	-	-	-	-	-
				TB	-	1	4	4	4	4	-
2.	Komersial	1	Tiada	Ya	1	-	1	1	-	-	1
				Tidak	-	-	-	-	1	1	-
				TB	-	1	-	-	-	-	-
JUMLAH		5									
PELAKSANAAN ELEMEN CPTED					1	-	1	1	-	-	5
TIDAK LAKSANA CPTED					4	3	-	-	1	1	-
TIDAK BERKENAAN					-	2	4	4	4	4	-
MPPn											
1.	Perumahan	8	Ada	Ya	2	1	-	-	1	-	8
				Tidak	6	4	-	-	-	-	-
				TB	-	3	8	8	7	8	-
2.	Komersial	5	Ada	Ya	5	-	-	5	-	5	5
				Tidak	-	-	5	-	5	-	-
				TB	-	5	-	-	-	-	-
3.	Pembangunan Bercampur	1	Ada	Ya	-	-	-	1	-	-	1
				Tidak	1	-	1	-	1	-	-
				TB	-	1	-	-	-	1	-
4.	Industri	3	Ada	Ya	1	-	-	1	-	1	3
				Tidak	2	1	1	-	1	-	-
				TB	-	2	2	2	2	2	-

BIL.	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	SYARAT CPTED/BANDAR SELAMAT DALAM KM	PEMATUHAN CPTED	KONSEP CPTED/BANDAR SELAMAT						
					1	2	3	4	5	6	7
5.	Perumahan	6	Tiada	Ya	1	2	-	-	-	-	6
				Tidak	5	-	-	-	-	-	-
				TB	-	4	6	6	6	6	-
6.	Industri	1	Tiada	Ya	-	-	-	1	-	-	1
				Tidak	1	-	-	-	1	1	-
				TB	-	1	1	-	-	-	-
JUMLAH		24									
PELAKSANAAN ELEMEN CPTED					9	3	-	8	1	6	25
TIDAK LAKSANA CPTED					15	5	7	-	8	1	-
TIDAK BERKENAAN					-	16	17	16	15	17	-

Sumber: MPPBP, MPS dan MPPn

Nota: TB - Tidak Berkenaan

1 - Laluan Pejalan Kaki

2 - Pemasangan Bollard Di Lorong Belakang

5 - Pemasangan Cermin Keselamatan/Papan Tanda Peringatan Jenayah

7 - Pencahayaan

3 - TLM Berkunci

4 - Tempat Letak Kereta Di Hadapan Premis

6 - Penyediaan CCTV/Penggera Keselamatan

- e. Pihak Audit mendapati elemen pencahayaan telah disediakan bagi kesemua projek pembangunan terlibat. Bagaimanapun, konsep CPTED tidak dilaksanakan secara menyeluruh seperti berikut:

- i. Bagi projek pembangunan di MPBP, pemaju tidak menyediakan laluan pejalan kaki bagi dua projek perumahan. Pihak Audit juga mendapati tiada penyediaan kamera CCTV dan penggera keselamatan bagi dua projek pembangunan komersial dan **Gambar 9** adalah berkaitan.



GAMBAR 9

Laluan Pejalan Kaki Tidak Disediakan
di Projek Perumahan Batu Pahat
(17.04.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Bagi projek pembangunan di MPPn, pemaju tidak menyediakan laluan pejalan kaki bagi enam projek perumahan, satu projek pembangunan bercampur dan dua projek pembangunan perindustrian. Selain itu, TLM yang disediakan tidak berkunci dan tiada pemasangan cermin keselamatan/ papan tanda peringatan jenayah di lima projek komersial, satu projek pembangunan bercampur dan satu projek perindustrian. Bagaimanapun, penyediaan kamera CCTV dan

penggera keselamatan telah dipasang bagi lima pusat komersial dan satu projek perindustrian yang dilawati. Pembangunan terlibat adalah seperti dalam **Gambar 10** dan **Gambar 11**.

GAMBAR 10



Laluan Pejalan Kaki Tidak Disediakan
di Projek Perumahan Pontian
(19.06.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Laluan Pejalan Kaki Tidak Disediakan
di Projek Perumahan Pontian
(20.06.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- f. Bagi projek pembangunan di MPS, walaupun pemaju tidak disyaratkan dengan pematuhan konsep CPTED dan bandar selamat, pihak Audit mendapati pemaju telah menyediakan laluan pejalan kaki bagi satu projek komersial di Jalan Prima. Bagaimanapun, tiada pemasangan cermin keselamatan/papan tanda peringatan jenayah disediakan dalam projek komersial tersebut.
- g. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarat yang dinyatakan di dalam kelulusan KM bagi MPBP dan MPPn adalah terlalu umum dan tidak dinyatakan dengan jelas elemen yang perlu dilaksanakan bagi sesuatu pembangunan. Ketiadaan perincian yang khusus terhadap penerapan elemen CPTED dalam permohonan KM menyebabkan pemaju kurang memberi perhatian kepada reka bentuk pembangunan yang selamat. Kawasan pemajuan yang berskala kecil juga menyebabkan KM tidak disyaratkan elemen CPTED.

Maklum Balas MPBP pada 3 Julai 2023

Tindakan diambil dengan memperkemaskan syarat CPTED di dalam KM dan butiran pelan dinyatakan secara terperinci serta jelas di dalam pelan pemajuan bagi permohonan Pelan Kerja Tanah Jalan dan Perparitan, Pelan Bangunan, Pelan Lampu Jalan dan pelan landskap. Selain itu, bagi memastikan kesemua syarat-syarat CPTED dipatuhi, satu kaedah pemeriksaan akan dibuat secara berperingkat bermula dengan fasa pemprosesan pelan pemajuan, fasa pembinaan dan notifikasi pemeriksaan interim dan peringkat akhir pada fasa CCC.

Maklum Balas MPS pada 17 Julai 2023

Pemohon akan disyaratkan untuk memasukkan cadangan elemen CPTED ke atas Laporan Cadangan Pemajuan bagi membolehkan MPS membuat keputusan terhadap elemen CPTED yang dicadangkan.

Maklum Balas MPPn pada 26 September 2023

Penambahbaikan dilaksanakan bagi setiap jenis pemajuan KM supaya penerapan konsep CPTED diperincikan dalam syarat kelulusan KM dan pelan bangunan. Perincian terhadap penerapan konsep CPTED telah dilaksanakan bagi kelulusan 18 KM tahun 2023.

Pendapat Audit | **Pematuhan terhadap elemen CPTED adalah kurang memuaskan kerana pelaksanaannya yang tidak menyeluruh oleh pemaju projek pembangunan.**

5.2.3. Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV)

Strategi 2 langkah 9 PBS menetapkan premis perniagaan dan tempat awam dikehendaki memasang kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengurangkan jenayah. Kerjasama dengan PDRM perlu dilaksanakan dalam mengenal pasti lokasi dan kawasan yang berisiko atau *hotspot* dan *blackspot* berlakunya jenayah. Kawasan berisiko atau *hotspot* dan *blackspot* yang dikenal pasti perlu diberi keutamaan untuk pemasangan CCTV sama ada menggunakan peruntukan kerajaan persekutuan, negeri atau PBT.

5.2.3.1. Tiada Pemasangan Kamera CCTV di Kawasan *Blackspot/Hotspot* di MPPn

- a. Pihak Audit mendapati MPPn tidak mengenal pasti lokasi *hotspot/blackspot* jenayah. Semak silang Audit dengan IPD Pontian mendapati sebanyak 12 lokasi disenaraikan sebagai kawasan *hotspot/blackspot* jenayah bagi daerah tersebut. Semakan Audit selanjutnya **mendapati tiada perancangan pemasangan kamera CCTV bagi 12 lokasi yang disenaraikan sebagai kawasan *hotspot/blackspot*.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
SENARAI KAWASAN *HOTSPOT/BLACKSPOT* DAERAH PONTIAN

BIL.	LOKASI <i>HOTSPOT/BLACKSPOT</i>
KAWASAN PENTADBIRAN BALAI POLIS PONTIAN	
1.	Parit Mesjid
2.	Parit Ibrahim
3.	Taman Megah
4.	Taman Mutiara
5.	Pusat Perdagangan
KAWASAN PENTADBIRAN BALAI POLIS PEKAN NENAS	
6.	Taman Utama Pekan Nenas
7.	Zon A, Zon B dan Zon C, Pekan Nenas
8.	
9.	
10.	Taman Perindustrian Pekan Nenas
KAWASAN PENTADBIRAN BALAI POLIS BENUT	
11.	Pusat Perniagaan Benut
12.	Taman Benut Utama

Sumber: IPD Pontian

- b. Pihak Audit mendapati peruntukan bajet yang terhad menyebabkan MPPn tidak merancang pemasangan kamera CCTV terutamanya di kawasan *hotspot/blackspot*. Pada tahun 2019, MPPn telah memohon peruntukan bagi tujuan pemasangan kamera CCTV daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM500,000. Kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan telah diperoleh pada tahun 2022 dan pemasangan kamera CCTV dibuat pada tahun yang sama. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kamera CCTV yang dipasang pada tahun 2022 bukan merupakan kawasan *hotspot/blackspot* jenayah.

Maklum Balas MPPn pada 6 Ogos 2023

Penyelarasan bersama pihak IPD Pontian akan dilaksanakan terhadap kawasan *hotspot/blackspot* yang disenaraikan untuk perancangan dan pelaksanaan pemasangan kamera CCTV.

5.2.3.2. Tiada Pemasangan Kamera CCTV di Kawasan Berisiko Di MPS

- a. MPS telah mengenal pasti 40 lokasi berisiko bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Sebanyak tiga lokasi iaitu IPD Segamat, Terminal Segamat dan Jalan Genuang telah dipasang sembilan buah kamera CCTV pada tahun 2019.

- b. Pihak Audit mendapati pemasangan kamera CCTV bagi empat lokasi di bawah perancangan tahun 2023 dengan kos berjumlah RM323,800 merupakan perancangan tahun 2020 dan 2021 yang tidak dapat dilaksanakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemasangan kamera CCTV di enam lokasi lain telah dimasukkan ke dalam perancangan tahun 2020 hingga 2030. Bagaimanapun, tiada perancangan pemasangan kamera CCTV bagi baki 27 lokasi yang lain. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
SENARAI KAWASAN BERISIKO DAN STATUS PEMASANGAN CCTV

KAWASAN BERISIKO/ <i>HOTSPOT</i>		
BIL. LOKASI	BUTIRAN LOKASI	PERANCANGAN PEMASANGAN CCTV
4	1. Jalan Genuang 2. Dataran Segamat 3. Bandar Utama 4. Jementah	Perancangan Tahun 2023
6	1. Simpang Jalan Aji 2. Pejabat Pos Jalan Awang 3. Simpang lampu Isyarat di Jalan Genuang 4. Hong Leong Bank Jalan Genuang 5. Belakang Pasaraya Econsave 6. Jalan Ros, hadapan McDonalds/Billion	Perancangan Tahun 2020 hingga 2030
27	1. Depan Kedai Thai Shuk Pusat Komersial 3. Restoren Coffea Corner Taman Utama/ Taman Utama 5. Jalan Muar 7. Tabika Perpaduan Taman Jenalin 9. Jalan Chia Chin Koon 11. Pasaraya Nirwana Segamat 13. Jalan Pee Kang Hai 15. Jalan Orkid Segamat 17. Jalan Buloh Kasap 19. Jalan Hassan 21. Jalan Lawson 23. Pasaraya Super Cowboy 25. Jalan Kekwa 27. Jalan Meryani 2. Arked Mara 4. Taman Segar 6. Kampung Jawa 8. Jalan Public Bank 10. Kampung Abdullah 12. Jalan Tan Siew Fun 14. Jalan Yusof Abdul Rahman 16. Jalan Temenggong 18. Bangunan Sia Her Yam 20. Segamat Baru 22. Taman Tenggara 24. Marrybrown Segamat 26. Pasaraya U-Central	Tiada Perancangan

Sumber: MPS

- c. **Pihak Audit mendapati peruntukan bajet yang terhad menyebabkan MPS tidak dapat memasang kamera CCTV di kawasan yang berisiko.** Pada tahun 2022, MPS telah memohon peruntukan bagi tujuan pemasangan kamera CCTV daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM500,000. Bagaimanapun, tiada sebarang kelulusan diperolehi sehingga akhir pengauditan.

Maklum Balas MPS pada 17 Julai 2023

Penentuan lokasi dan bilangan kamera CCTV yang akan dipasang bergantung kepada perbincangan dan persetujuan bersama PDRM berdasarkan kekerapan jenayah yang dilaporkan serta peruntukan yang ada. Daripada 27 kawasan berisiko yang tiada perancangan pemasangan kamera CCTV, lima lokasi telah diletakkan ke dalam perancangan masa hadapan dan enam lokasi perniagaan di bawah tindakan premis masing-masing. Manakala 16 baki lokasi yang tidak terlibat dengan pemasangan kamera CCTV akan dilaksanakan langkah pencegahan jenayah yang lain seperti penyediaan TLM berkunci, pencahayaan dan rondaan.

Selain itu, kelulusan peruntukan sebanyak RM500,000 daripada Kerajaan Negeri telah diperoleh pada tahun 2023 bagi melaksanakan pemasangan kamera CCTV di empat lokasi di bawah perancangan tahun 2023.

Pendapat Audit | **Pemasangan kamera CCTV adalah kurang memuaskan kerana tidak dipasang mengikut ketetapan yang sewajarnya khususnya di lokasi *hotspot/blackspot* jenayah.**

5.2.3.3. Kamera CCTV di MPBP Tidak Berfungsi

- a. Sebanyak dua fasa pemasangan kamera CCTV telah dilaksanakan oleh pihak KPKT secara sewaan melibatkan PBT terpilih di semua negeri. Inisiatif pemasangan kamera CCTV Fasa 2 oleh pihak KPKT melibatkan tujuh PBT di Negeri Johor antaranya adalah MPBP.
- b. Pemasangan kamera CCTV oleh pihak kontraktor di MPBP telah disempurnakan pada bulan November 2014 melibatkan 16 lokasi di sekitar bandar Batu Pahat. Kontrak membekal, memasang, menguji terima dan menyenggara kamera CCTV di antara MPBP dan KPKT dengan syarikat pembekal adalah bagi tempoh 60 bulan dengan dua kali lanjutan kontrak.

- c. Semakan Audit mendapati **kontrak berkaitan kamera CCTV yang telah tamat pada bulan Jun 2021 masih belum diperbaharui**. Surat daripada Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT bertarikh 3 September 2020 menyatakan pihak kontraktor akan melaksanakan kerja-kerja pengalihan peralatan dan perkakasan berkaitan kamera CCTV secara berperingkat setelah tempoh kontrak tamat. Temu bual Audit bersama pegawai MPBP menyatakan kamera CCTV masih belum dialihkan dan masih berada di 16 lokasi sekitar bandar Batu Pahat. Kamera CCTV terlibat adalah seperti dalam **Gambar 12**.

GAMBAR 12



Taman Bukit Perdana
Kamera CCTV yang dipasang tidak berfungsi
(18.04.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



Taman Bukit Perdana
Kamera CCTV yang dipasang tidak berfungsi
(18.04.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. **Semakan Audit mendapati tiada inisiatif dilaksanakan oleh MPBP bagi memenuhi Strategi 2 Langkah 9 iaitu pemasangan kamera CCTV menggunakan peruntukan dalaman atau memohon peruntukan Kerajaan Negeri bagi memastikan kamera CCTV di 16 lokasi berfungsi semula**. Pihak Audit mendapati MPBP hanya berpandukan permohonan projek kamera CCTV KPKT Fasa 3 yang dipersetujui pada 24 November 2019. Bagaimanapun, sehingga akhir pengauditan, tiada sebarang kelulusan diperolehi daripada KPKT.
- e. Lawatan fizikal di tujuh lokasi pemasangan kamera CCTV yang telah tidak berfungsi mendapati lokasi tersebut merupakan lokasi *hotspot* dan kawasan tumpuan awam. Lokasi tersebut antaranya merupakan tempat letak kenderaan awam, kawasan pasar malam, kedai emas, kawasan bank, pusat komersial dan perkedaian serta pasaraya utama. Kegagalan kamera CCTV berfungsi menyebabkan kawasan sasaran terdedah dengan aktiviti jenayah, keganasan dan kekerasan.

- f. Analisis Audit mendapati jumlah jenayah keganasan dan harta benda yang dilaporkan di kawasan bandar Batu Pahat bagi tahun 2019 hingga 2022 berjumlah 556 kes (44.9%) berbanding 1,239 kes yang dilaporkan di daerah tersebut. Manakala bilangan jenayah yang berlaku di kawasan pemasangan kamera CCTV yang juga merupakan kawasan bandar berjumlah 159 (28.6%) kes bagi empat tahun tersebut.

Maklum Balas MPBP pada 3 Julai 2023

Inisiatif MPBP bagi memastikan kamera CCTV berfungsi adalah dengan mengadakan rundingan semula bersama pihak KPKT, pembekal dan urus setia *Smart City* MPBP untuk mengaktifkan semula kamera CCTV melalui pendekatan *Public-Private Partnership* (PPP) bersama pembekal dan penyedia perkhidmatan.

Pendapat Audit | **Pelaksanaan pemasangan kamera CCTV di MPBP adalah kurang memuaskan kerana tidak berfungsi.**

5.2.4. Balai Polis Tetap/Bergerak

- a. Penyediaan balai polis tetap atau bergerak adalah salah satu langkah di bawah strategi kedua bagi merealisasikan PBS. Penyediaan balai polis tetap atau bergerak di kawasan terpilih membantu untuk mengurangkan jenayah kerana dapat mengurangkan risiko orang awam untuk melakukan jenayah.
- b. Sebanyak lima balai polis tetap disediakan di bandar Batu Pahat antara tahun 2010 hingga 2018. Lawatan fizikal Audit pada bulan April 2023 mendapati tiga lokasi balai polis tetap di Jalan Rogayah, Jalan Rahmat dan Taman Bukit Pasir yang merupakan kawasan *hotspot* tidak digunakan dan terbiar. Balai polis tersebut terletak di kawasan tumpuan awam antaranya parkir awam, pusat komersial dan bank. Balai polis tetap terlibat adalah seperti dalam **Gambar 13** dan **Gambar 14**.

GAMBAR 13



Jalan Rahmat
Balai Polis tidak beroperasi dan terbiar
(18.04.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Taman Bukit Perdana
Balai Polis tidak beroperasi dan terbiar
(18.04.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Balai polis tetap yang tidak berfungsi menyebabkan matlamat memperkasakan kawasan sasaran tidak tercapai sekaligus membuka ruang aktiviti jenayah, keganasan dan kekerasan.

Maklum Balas MPBP pada 3 Julai 2023

Keperluan penyediaan balai polis tetap di bandar Batu Pahat telah digantikan dengan penubuhan URB oleh PDRM. Bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap MPBP pada bulan Jun 2023 telah meluluskan bit polis di BP Walk Jalan Rahmat untuk dijadikan kiosk jualan aiskrim dan pelancongan makanan (*food tourism*). Manakala dua bit polis yang lain akan ditawarkan kepada orang ramai yang beminat untuk memajukannya sebagai kiosk makanan dan minuman.


Pendapat Audit | **Keperluan penyediaan balai polis tetap telah digantikan dengan penubuhan URB.**

5.2.5. Penyenggaraan dan Pembaikan Aset PBS

5.2.5.1. Kamera CCTV Tidak Disenggara

- a. Garis Panduan Pemasangan Kamera CCTV di Premis Perniagaan dan Tempat Awam menyatakan penyenggaraan dilaksanakan bagi memastikan sistem CCTV berfungsi sebagaimana tujuan pemasangan dan memastikan sistem CCTV dilengkapi dengan pelan pelaksanaan dan jadual penyenggaraan. Semua kamera perlu disenggara sekurang-kurangnya tiga bulan sekali. Kamera yang dipasang di luar premis dan di taman yang terdedah kepada hujan, panas dan habuk dicadangkan disenggara lebih kerap. Penyenggaraan kamera CCTV perlu melibatkan perkhidmatan diagnosis, ujian fungsi, pemeriksaan peralatan dan penyenggaraan berkaitan prestasi serta operasi kamera.

- b. Semakan Audit mendapati kamera CCTV yang dipasang oleh MPS di tiga lokasi sekitar bandar Segamat tidak pernah disenggara sejak ianya dipasang pada tahun 2019. Lawatan fizikal telah dilaksanakan pada bulan April 2023 di bilik kawalan pemantauan kamera CCTV MPS yang terletak di IPD Daerah Segamat. Pihak Audit mendapati tiada gambar dipaparkan bagi tiga kamera CCTV iaitu di IPD Segamat, Jalan Awang dan Terminal Bas Segamat.
- c. Berdasarkan Borang Aduan Kerosakan Aset Alih (KEWP.PA-10) yang dikemukakan kepada pegawai aset pada bulan April 2023, penyenggaraan pembaikan telah diluluskan oleh Yang DiPertua MPS. Bagaimanapun, sehingga tarikh akhir pengauditan dilaksanakan, kamera CCTV masih belum dibaiki.
- d. Di MPPn, sebanyak empat unit kamera CCTV telah dipasang di persimpangan Jalan Taman Nilam dengan perbelanjaan berjumlah RM115,965 pada tahun 2022. Semakan Audit mendapati tiada jadual penyenggaraan disediakan bagi CCTV yang dipasang oleh MPPn. Kamera CCTV tersebut dilaporkan mengalami kerosakan pada awal tahun 2023 dan kerosakan telah dibaiki oleh kontraktor kerana dalam tempoh tanggungan kecacatan.
- e. Temu bual Audit bersama pegawai MPPn menyatakan paparan CCTV boleh dilihat melalui *CCTV Dashboard* yang diakses di terminal komputer dan telefon bimbit. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan Jun 2023 mendapati tiada gambar dipaparkan di terminal komputer dan di telefon bimbit bagi empat kamera CCTV di persimpangan Jalan Taman Nilam. MPPn memaklumkan ini disebabkan oleh masalah pada kotak WebRTC dan perkara ini telah dilaporkan kepada kontraktor kerana bekalan masih di dalam tanggungan kecacatan. Paparan skrin monitor adalah seperti dalam **Gambar 15**.



GAMBAR 15

Tiada Paparan di Skrin *Monitor* CCTV
(20.06.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- f. Pihak Audit mendapati lokasi kamera CCTV yang tidak berfungsi merupakan kawasan tumpuan awam. Lokasi tersebut antaranya merupakan tempat letak kenderaan awam, pusat komersial, bank, dan perkedaian. Kegagalan kamera CCTV berfungsi menyebabkan kawasan sasaran terdedah dengan aktiviti jenayah, keganasan dan kekerasan.

Maklum Balas MPS pada 17 Julai 2023

Sebagai penambahbaikan, perancangan penyenggaraan kamera CCTV secara berkala akan dilaksanakan bermula tahun 2024. Tindakan pembaikan kerosakan kamera CCTV akan dibuat selepas mendapat sebut harga daripada pembekal.

Maklum Balas MPPn pada 6 Ogos 2023

Penambahbaikan dilaksanakan dengan membuat lantikan kontraktor penyenggaraan. Pembaikan kamera CCTV yang rosak telah dibuat oleh kontraktor pada bulan Julai 2023 melibatkan penggantian kotak WebRTC. Bagaimanapun, masalah kerosakan pada kabel akibat haiwan perosak menyebabkan satu kamera masih gagal berfungsi dan masih di dalam tindakan pihak kontraktor.

5.2.5.2. Penyenggaraan dan Pembaikan Aset-aset PBS Yang Lain

- a. Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021 Bab D menjelaskan kepentingan penyenggaraan aset tak alih bagi tujuan mengekalkan sesuatu binaan/sistem/peralatan supaya beroperasi mengikut fungsi yang ditetapkan. Fungsi penyenggaraan dibahagikan kepada dua jenis iaitu penyenggaraan pemulihan (*corrective maintenance*) dan penyenggaraan pencegahan (*preventative maintenance*). Penekanan perlu diberikan kepada penyenggaraan pencegahan yang dilaksanakan secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan supaya dapat mengurangkan berlakunya kerosakan.
- b. Semakan Audit mendapati **tiada jadual penyenggaraan khusus disediakan oleh MPBP, MPS dan MPPn bagi projek dan aset di bawah PBS untuk memastikan projek dan aset masih berada dalam keadaan baik serta boleh digunakan dengan selamat.** Penyenggaraan dilaksanakan berdasarkan keperluan dan aduan kerosakan yang dilaporkan sama ada disenggara oleh tenaga kerja PBT ataupun secara perolehan kerja. Semakan mendapati hanya satu kerja penyenggaraan PBS telah dilaksanakan di MPBP pada tahun 2021 berjumlah RM28,496.

- c. Lawatan Audit terhadap 14 lokasi di tiga PBT terlibat mendapati **sebanyak 21 aset infra yang rosak dan dalam keadaan tidak sempurna** seperti dalam **Jadual 16** dan **Gambar 16** hingga **Gambar 21**.

JADUAL 16
ASET INFRA PBS YANG TIDAK DISENGGARA

BIL.	LOKASI	JENIS KEROSAKAN
MPBP		
1.	Jalan Talib Abu – Persimpangan Jalan Fatimah, Batu Pahat	Papan tanda laluan pejalan kaki/ basikal rosak (Gambar 16)
2.	Jalan Kluang (hadapan Sekolah Tun Aminah, Batu Pahat)	Kerosakan di laluan pejalan kaki
3.	Jalan Rugayah, Batu Pahat	- Papan tanda peringatan jenayah telah lusuh - TLM berkunci telah berkarat (Gambar 17)
MPS		
4.	Jalan Genuang, Segamat	- Lampu jalan tidak menyala - TLM berkarat
5.	Jalan Ros, Segamat	TLM berkarat
6.	Jalan Orkid, Segamat	TLM berkarat
7.	Jalan Sia Her Yam, Segamat	- Papan tanda peringatan mengunci motosikal telah lusuh (Gambar 18) - TLM berkunci berkarat
MPPn		
8.	Jalan Pontian - Johor Bahru, Pekan Nenas, Pontian	- Tiang lampu jalan rosak - Tiang <i>bollard</i> tertanggal (Gambar 19) - Laluan pejalan kaki berlubang
9.	Jalan Sekolah Arab, Pontian	- Rel penghadang jalan rosak - Laluan pejalan kaki pecah
10.	Jalan Delima 1/2, Pontian	TLM berkarat
11.	Jalan Delima 1, Pontian	TLM berkarat
12.	Jalan Delima 3, Pontian	TLM berkarat
13.	Jalan Teo Kang Sui, Pontian	TLM berkarat
14.	Jalan Al-Sagoff, Pontian	- Rel penghadang jalan rosak dan berkarat (Gambar 20) - Laluan pejalan kaki mendap (Gambar 21)

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 16



Papan Tanda Basikal dan Pejalan Kaki yang Rosak
Jalan Talib Abu – Persimpangan Jalan Fatimah, Batu Pahat
(18.04.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



TLM Berkunci Telah Berkarat
Jalan Rugayah, Batu Pahat
(18.04.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18




Papan Tanda TLM Telah Luluh
Jalan Sia Her Yam, Segamat
(27.04.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Tiang *Bollard Stainless Steel*/Tertanggal
Jalan Pontian - Johor Bahru, Pekan Nenas, Pontian
(19.06.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Rel Penghadang Jalan yang Rosak dan Berkarat
Jalan Al Sagoff, Pontian
(20.06.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21



Laluan Pejalan Kaki mendap
Jalan Al Sagoff, Pontian
(20.06.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Aset PBS yang rosak membahayakan keselamatan dan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang awam.

Maklum Balas MPBP pada 3 Julai 2023

Kerja-kerja penyenggaraan akan dibuat bermula tahun 2024 berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

Maklum Balas MPS pada 17 Julai 2023

Aset-aset PBS yang rosak telah disenggara menggunakan peruntukan PBS dan penyenggaraan. Di samping itu, penambahbaikan dibuat dengan memperkemaskan tindakan pemantauan dan penyenggaraan aset-aset PBS dibuat mengikut perancangan.

Maklum Balas MPPn pada 26 September 2023

Pemantauan dan penyenggaraan aset PBS dicadang untuk dilaksanakan sebanyak dua kali setahun.

Pendapat Audit | **Penyenggaraan aset PBS adalah kurang memuaskan kerana tiada jadual penyenggaraan disediakan.**

5.2.6. Pengurusan Pemantauan PBS

5.2.6.1. Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa PBS

- a. Surat arahan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bertarikh 16 Januari 2014 meminta semua PBT Johor agar mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa PBS bagi memastikan isu-isu keselamatan dan pencegahan jenayah sentiasa dipantau dan minit dikemukakan kepada JPBD. Mesyuarat Jawatankuasa PBS perlu diadakan tidak kurang daripada sekali sebulan atau 12 kali setahun. Di MPPn, Mesyuarat Jawatankuasa PBS Bil 1 Tahun 2010 telah memutuskan agar ianya diadakan setiap tiga bulan sekali dan sehingga kini pelaksanaannya dikuatkuasakan.
- b. Mesyuarat ini dianggotai oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran selaku pengerusi, ahli majlis, pegawai jabatan dalaman dan pegawai daripada jabatan/agensi luaran. Di MPBP dan MPS, mesyuarat ini dilaksanakan bersekali dengan mesyuarat Jawatankuasa Lalu Lintas.
- c. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Jawatankuasa PBS telah dilaksanakan oleh MPBP sebanyak 12 kali pada tahun 2019, 10 kali pada tahun 2020, lapan kali pada tahun 2021 dan 11 kali pada tahun 2022. MPS pula telah melaksanakan mesyuarat sebanyak 12 kali pada tahun 2019. Bagaimanapun, pada tahun 2020, ianya dilaksanakan hanya sebanyak empat kali, 11 kali pada tahun 2021 dan mengikut ketetapan 12 kali pada tahun 2022. Bagi MPPn pula, Mesyuarat Jawatankuasa PBS telah dilaksanakan mengikut ketetapan mesyuarat iaitu sebanyak 4 kali setahun bagi tahun 2019 hingga 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PELAKSANAAN MESYUARAT PBS

PBT	BILANGAN MESYUARAT											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
MPBP												
Tahun 2019	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Tahun 2020	/	/	/	/	/	/	/	/	X	X	/	/
Tahun 2021	X	/	/	/	X	X	X	/	/	/	/	/
Tahun 2022	/	/	X	/	/	/	/	/	/	/	/	/
MPS												
Tahun 2019	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Tahun 2020	/	/	X	X	X	X	/	/	X	X	X	X
Tahun 2021	X	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Tahun 2022	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
MPPn												
Tahun 2019	/			/			/			/		
Tahun 2020	/			/			/			/		
Tahun 2021	/			/			/			/		
Tahun 2022	/			/			/			/		

Sumber: MPBP, MPS dan MPPn

- d. Mesyuarat yang tidak dilaksanakan oleh MPBP dan MPS pada tahun 2020 hingga 2022 adalah disebabkan PKP dan pembubaran Dewan Undangan Negeri Johor pada Mac 2022.

Maklum Balas MPPn pada 26 September 2023

Bermula pada tahun 2024, Mesyuarat Jawatankuasa PBS akan dilaksanakan sebanyak 12 kali setahun selaras dengan arahan yang berkuatkuasa.

5.2.6.2. Agenda Mesyuarat PBS

- a. Perintah Tetap dan Peraturan Jawatan Kuasa Tetap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor bertarikh 31 Disember 1977 menetapkan semua mesyuarat jawatankuasa yang dilaksanakan perlu disahkan ke dalam Mesyuarat Penuh untuk diluluskan. Perintah Tetap tahun 2021 bagi MPPn dan tahun 2022 bagi MPBP dan MPS menetapkan Mesyuarat Jawatankuasa PBS membincangkan lima perkara berikut:

- i. mengemukakan pelaporan indeks jenayah;
 - ii. mencadangkan langkah-langkah pencegahan atau pemutihan di kawasan *hotspot* dan *blackspot*;
 - iii. melaporkan status langkah-langkah Bandar Selamat mengikut Garis Panduan PBS;
 - iv. lain-lain inisiatif yang menunjukkan penglibatan aktif dari segi aktiviti sosial dan keselamatan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), persatuan penduduk dan pihak swasta bagi menangani peningkatan kadar jenayah; dan
 - v. Hal-hal lain yang berkaitan bandar selamat.
- b. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat di MPBP, MPS dan MPPn bagi tahun 2019 hingga 2022 mendapati mesyuarat telah membincangkan perkara berkaitan PBS seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
AGENDA MESYUARAT PROGRAM BANDAR SELAMAT

BIL.	PBT	AGENDA MESYUARAT				
		1	2	3	4	5
1.	MPBP	/	X	X	X	/
2.	MPS	/	X	/	X	/
3.	MPPn	/	X	/	/	/

Sumber: Minit Mesyuarat PBS MPBP, MPS dan MPPn

Nota:

- 1 - Mengemukakan pelaporan indeks jenayah
- 2 - Mencadangkan langkah-langkah pencegahan atau pemutihan di kawasan *hotspot* dan *blackspot*
- 3 - Melaporkan status langkah-langkah bandar selamat mengikut Garis Panduan PBS
- 4 - Lain-lain inisiatif yang menunjukkan penglibatan aktif dari segi aktiviti sosial dan keselamatan oleh Pertubuhan Kerajaan (NGO), persatuan penduduk dan pihak swasta bagi menangani peningkatan kadar jenayah
- 5 - Hal-hal lain yang berkaitan bandar selamat

- c. Pihak Audit mendapati mesyuarat telah membincangkan pelaporan indeks jenayah mengikut agenda yang telah ditetapkan. Bagaimanapun di MPPn, pelaporan yang dibentangkan tidak memperincikan lokasi kejadian jenayah. Selain itu, perkara-perkara lain berkaitan secara langsung dengan PBS juga dibincangkan dalam hal-hal lain.

- d. **Kesemua PBT tidak membincangkan agenda cadangan langkah-langkah pencegahan atau pemutihan di kawasan *hotspot* dan *blackspot* dalam mesyuarat PBS.** Pelaporan status pelaksanaan langkah-langkah bandar selamat tidak dibincangkan oleh MPBP.
- e. Agenda inisiatif penglibatan dan kerjasama daripada pertubuhan juga tidak dibincangkan oleh MPBP dan MPS. Perbincangan ini perlu bagi memastikan penglibatan dan kerjasama KRT bagi menangani masalah jenayah.
- f. Agenda mesyuarat yang tidak menyeluruh mengakibatkan keberkesanan mesyuarat tidak dapat diukur dan tindakan pencegahan yang khusus tidak dapat dilaksanakan.

Maklum Balas MPS pada 17 Julai 2023

Agenda Mesyuarat PBS mengikut ketetapan Perintah Tetap telah dikuatkuasakan bermula bulan Julai 2023.

Pendapat Audit | **Pemantauan pelaksanaan PBS adalah kurang memuaskan kerana mesyuarat tidak dilaksanakan mengikut ketetapan dan tidak membincangkan agenda sebagaimana ditetapkan.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif pengurusan PBS untuk memastikan jenayah dapat dikurangkan masih belum tercapai kerana berlakunya peningkatan jenayah pada tahun 2022. Selain itu, pengurusan PBS tidak diurus dengan cekap dari aspek perancangan kewangan, pematuhan konsep CPTED, pemasangan kamera CCTV di kawasan berisiko atau *hotspot/blackspot*, penyenggaraan dan pembaikan aset PBS serta pengurusan pemantauan.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang ditemui diatasi dan menambah baik pengurusan PBS, pihak Audit mengesyorkan MPBP, MPS, MPPn dan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

- 7.1. memastikan 15 langkah PBS dilaksanakan secara menyeluruh dan berperingkat;
- 7.2. mengeluarkan garis panduan khusus mengenai pemakaian dan penguatkuasaan CPTED di dalam KM;
- 7.3. menyediakan penyenggaraan berjadual bagi aset-aset atau infra di bawah PBS; dan
- 7.4. mewujudkan mekanisme pemantauan di peringkat negeri bagi menyelia pelaksanaan PBS terhadap PBT di Negeri Johor.

